

09/12/1997

MMP gesa kerajaan awasi pemimpin politik

SUNGAI PETANI, Isnin - Majlis Muafakat Pembangunan (MMP) meminta kerajaan mengawasi pemimpin politik supaya mereka tidak terdedah dengan pelbagai skandal seperti rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang boleh menjejaskan imej kerajaan.

MMP berpendapat, kerajaan perlu bersikap tegas terhadap mana-mana pemimpin yang terbabit dengan skandal supaya rakyat tidak menjadi mangsa permainan politik kurang sihat pemimpin yang bersikap mementingkan diri.

Pengerusinya, Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata kebelakangan ini kerap berlaku kes penyelewengan dan rasuah yang membabitkan pemimpin kerajaan yang selama ini rakyat menganggap mereka bersih, cekap dan amanah.

Katanya, slogan 'Bersih Cekap dan Amanah' tidak akan mencapai matlamat ke arah membentuk sebuah kerajaan yang unggul, selagi skandal tidak bermoral itu menjadi amalan sesetengah pemimpin.

"Rakyat akan menolak kepimpinan yang tidak mempunyai prinsip perjuangan kerana mereka bimbang maruah bangsa dan agama tergadai," katanya ketika ditemui di kediamannya, di Merbok hari ini.

Mengenai isu kediaman resmi Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, Mohd Azmi berkata sepatutnya kerajaan negeri itu tidak perlu membelanjakan wang begitu banyak cuma untuk mengubahsuai bangunan.

"Isu itu menarik perhatian rakyat kerana dalam keadaan negara menghadapi kemelut kejatuhan nilai ringgit, sepatutnya langkah berjimat cermat perlu diutamakan.

"Gejala tidak bermoral yang membabitkan pemimpin kerajaan perlu dibanteras kerana ia boleh menjejaskan matlamat wawasan 2020," katanya.

Isu pengubahsuaian kediaman resmi Menteri Besar itu yang membabitkan kos RM5 juta menarik perhatian pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan negeri menyediakan laporan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, Hassan dilaporkan sebagai berkata, dia tidak ghairah untuk tinggal di kediaman resminya itu tetapi protokol, tradisi dan komitmen memaksa sesiapa yang menjadi Menteri Besar untuk tinggal di kediaman resmi.

(END)